

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR
[PERMATANG PAUH]**

TARIKH : 16 NOVEMBER 2020

SOALAN

Minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan :-

- (a) jumlah sekolah terlibat jangkitan COVID-19 dan adakah Kementerian mempertimbangkan sistem persekolahan berselang seperti disarankan KRI, memandangkan keadaan fizikal sekolah menyukarkan penjarakkan sosial; dan
- (b) perancangan Kementerian menambah baik sistem pembelajaran dalam talian bagi persediaan, memandangkan vaksin COVID-19 masih belum diperolehi.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa prihatin mengenai risiko penularan jangkitan COVID-19, khususnya dalam kalangan warga sekolah. Bagi memantau penularan kes COVID-19 semenjak sekolah dibuka semula secara berperingkat pada 24 Jun 2020, KPM telah menggerakkan Jawatankuasa Pengurusan Pembukaan Semula Sekolah (JPPSS) di peringkat Kementerian, Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD).

Berdasarkan laporan Jawatankuasa, sehingga 8 November 2020, sebanyak 605 buah sekolah di bawah KPM di seluruh negara merekodkan kes jangkitan COVID-19 melibatkan murid, guru atau warga sekolah. Daripada jumlah ini, sebanyak 461 buah sekolah ditutup disebabkan terdapat kes jangkitan COVID-19 dalam kalangan murid, guru atau warga sekolah. Manakala, 144 buah sekolah lagi adalah melibatkan kes jangkitan COVID-19 yang dikesan berlaku selepas sekolah ditutup kerana berada dalam kawasan zon merah atau pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan Bersyarat (PKPB) bagi sesuatu kawasan. Rekod di dalam laporan pemantauan ini adalah untuk sekolah yang berdaftar dengan KPM dan tidak termasuk sekolah yang tidak berdaftar di bawah KPM.

Walaupun semua sekolah telah ditutup mulai 9 November 2020 yang lalu, pemantauan oleh Jawatankuasa masih diteruskan sehingga kini. Ini adalah untuk memastikan pemantauan terus dibuat kepada kes-kes jangkitan COVID-19 dalam kalangan warga sekolah yang berlaku selepas sekolah ditutup.

Berkaitan pertanyaan mengenai sistem persekolahan berselang, KPM ingin memaklumkan bahawa KPM telah memperkenalkan tiga model pengoperasian sekolah apabila sesi persekolahan dibuka semula secara berperingkat mulai bulan Jun yang lalu. Model pengoperasian sekolah yang dilaksanakan adalah Model Satu Sesi, Model Dua Sesi dan Model Penggiliran. Model Penggiliran dilaksanakan di sekolah yang tidak mempunyai ruang mencukupi bagi menempatkan semua murid setelah mengambil kira penjarakan sosial dan faktor keselamatan yang lain.

(b) KPM sentiasa berusaha untuk menyediakan akses pembelajaran kepada murid secara dalam talian dan luar talian mengikut kesesuaian guru dan murid. Pelbagai platform telah digunakan oleh KPM untuk meningkatkan kebolehcapaian (*accessibility*) murid, sama ada secara dalam talian (*online*) mahu pun di luar talian (*offline*) bagi memenuhi keperluan pembelajaran murid.

Bagi murid yang mengikuti PdP di rumah dan mempunyai peranti serta akses internet, KPM menyediakan kemudahan pembelajaran dalam talian melalui platform seperti berikut:

- i. Pelantar pembelajaran digital, iaitu Digital Education Learning Initiative Malaysia (DELIMa). Melalui pelantar ini, murid dan guru boleh akses kepada aplikasi seperti Google Classroom dan Google Meet, Microsoft 365, Apple Teacher Learning Centre, buku teks digital, video PdP, kuiz dan video permainan pembelajaran;
- ii. Koleksi video pendidikan melalui pelantar EduwebTV dan CikgooTube bagi perkongsian koleksi video daya usaha kreativiti guru untuk PdP; dan
- iii. Program dan aktiviti seperti kelas digital (*e-class*) untuk murid dan webinar bagi guru.

Sebagai usaha bagi meningkatkan kelancaran sesi pengajaran dan pembelajaran (PdP) di rumah, termasuk juga pembelajaran secara dalam talian, KPM telah mengambil inisiatif dengan menyediakan Manual Pengajaran dan Pembelajaran di Rumah (PdPR). Manual ini adalah sebagai panduan kepada guru dalam melaksanakan PdPR secara berstruktur dan terancang supaya murid dapat mengikuti pembelajaran di rumah secara optimum. Panduan PdPR ini meliputi pelbagai kaedah PdP yang dapat dilakukan dari rumah seperti dalam talian (*online*), luar talian (*offline*), *off-site*, menggunakan modul pembelajaran dan berasaskan projek.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

KPM sedang di peringkat akhir merangka strategi pelaksanaan yang komprehensif dalam memperkasa pendidikan digital negara. Ini termasuklah mengambilkira keperluan pemilikan peranti oleh murid dan juga akses internet di sekolah di seluruh negara. Perkara ini adalah antara butiran yang dinyatakan dalam Belanjawan 2021 yang telah dibentangkan pada 6 November 2020.

Sekian, terima kasih.